# Ganggu nelayan: Laluan feri ke Langkawi mungkin diubah

ALOR SETAR 25 April - Laluan perkhidmatan feri penumpang dari Langkawi ke Kuala Perlis mungkin akan diubah kerana ia dikatakan mengganggu aktiviti perikanan nelayan-nelayan kecil di kawasan berkenaan.

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan negeri, Datuk Mohd. Johari Baharom berkata, cadangan laluan baru itu melibatkan tambahan jarak sebanyak tujuh kilometer berbanding sejauh 37 kilometer pada masa ini.

Kata beliau, sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan bagi mengkaji dan memperhalusi cadangan tersebut supaya sebarang keputusan yang dibuat tidak menyusahkan mana-mana pihak.

"Jawatankuasa terbabit akan mengadakan perbincangan dengan semua yang terlibat termasuk Jabatan Laut, persatuan nelayan, pengusaha feri, wakil rakyat dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berhubung cadangan ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Persekutuan negeri di sini semalam.

Mohd. Johari yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, para nelayan khususnya di Penarak mendakwa laluan asal menerusi Selat Pancor adalah sempit menyebabkan aktiviti mereka terganggu dengan kehadiran feri penumpang.

Menurut beliau, laluan tersebut telah digunakan sejak 40 tahun lalu semasa trafik di kawasan selat berkenaan tidak sesak seperti sekarang.

"Daripada segi kepentingan nelayan, kita turut melihat pada masa ini Langkawi mempunyai kawasan yang agak terhad untuk aktiviti perikanan seperti ternakan ikan dalam sangkar dan lain-lain.

"Tiada ombak kuat di kawasan laluan feri menerusi selat itu menjadikan ia sesuai untuk menjalankan aktiviti agricultural," kata beliau.

Mohd. Johari berkata, pada masa yang sama, kepentingan pengusaha feri penumpang juga perlu diteliti kerana laluan baru yang dicadangkan itu melibatkan pertambahan jarak sekali gus menyebabkan kos operasi dan tempoh perjalanan bertambah.

Malah katanya, ada yang mengatakan kawasan baru berkenaan terdedah kepada ombak.

"Sebab itu cadangan ini perlu diperhalusi dengan mengambil jalan terbaik kerana membabitkan kepentingan banyak pihak termasuk nelayan, pengusaha feri dan pelancong," katanya.

SOURCE:
http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0426&pub=utusan_malaysia&sec=Utara&pg=wu_03.htm&arc=hive